

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, Kerajaan menjamin maklumat data peribadi dan kerahsiaan rakyat dilindungi supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Tindakan tegas akan diambil melalui undang-undang sedia ada bagi menjamin hak rakyat Malaysia sentiasa terpelihara seperti termaktub di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Kementerian ini tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai perolehan "*spyware*" bernama Remote Control System (RCS) oleh Kerajaan untuk mengintip rakyat Malaysia. Pada masa ini, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui Pusat Keselamatan Rangkaian atau *SKMM Network Security Center (SNSC)* sentiasa membantu dalam pemantauan serangan siber oleh pihak luar. SNSC juga berkerjasama dengan beberapa agensi kerajaan lain termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), MAMPU dan GCERT dalam menjaga keselamatan siber negara.